



KENYATAAN MEDIA

KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA 2024 - TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTERA

PUTRAJAYA, 29 Februari – Tiga Matlamat, Enam Tekad dan Tiga Ikhtiar pemeraksanaan Bumiputera dizahirkan bagi menjamin penyertaan, pemilikan dan penguasaan Bumiputera.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata sinergi antara kaum menjadi pemangkin aktiviti ekonomi negara selain mengikis kaitan aktiviti ekonomi dengan identiti kaum selari dengan hasrat Dasar Ekonomi Baru.

“Atas semangat ini, tiga matlamat utama yang digariskan, menuntut semua kaum bahu membahu membangunkan negara. Menghormati agihan yang adil di samping menerima hakikat, usaha memartabatkan penyertaan Bumiputera dalam semua sektor ekonomi adalah dalam kerangka Perlembagaan Negara.”

Beliau berkata demikian dalam ucap tama ketika merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, PICC hari ini.

Tambah beliau, KEB kali ini mengubah destini Bumiputera dengan melaksanakan **Transformasi Ekonomi Bumiputera atau TEB** sebagai satu dasar baharu yang progresif bertujuan merapatkan jurang sosioekonomi dalam kalangan rakyat Malaysia.

Menurut beliau lagi bagi memastikan Bumiputera tidak ketinggalan dalam menyertai peluang ekonomi dan teknologi baharu, **tiga matlamat utama** digariskan iaitu keadilan sosioekonomi, kemampanan negara bangsa; serta kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.

Menjayakan matlamat berkenaan, **enam tekad** sebagai rukun dilandaskan supaya Bumiputera bergerak sederap untuk mencapai cita-cita yang diinginkan bersama.

“Ia merangkumi mempertahankan agenda Bumiputera, menutup ketirisan pelaksanaan, mewujudkan kesetaraan antara wilayah, kaum dan kelompok, mengenal pasti peluang baharu, mewujudkan jalinan tulen selain menjamin tidak meminggirkan kaum lain.

Tekad ini menumpukan kepada **tiga ikhtiar** yang mampu melonjakkan ekonomi Bumiputera yang lebih terangkum dan mampan menjelang satu abad negara merdeka.”

Antara ikhtiar berkenaan termasuklah **perbadanan tanah Bumiputera** yang akan merangka mekanisme pemilikan tanah, **Waqaf Kesihatan dan Pendidikan** serta **Mengindustrikan Pertanian** menggunakan teknologi dan inovasi baharu melalui sebuah entiti.

Dalam pada itu, KEB 2024 membawa tema Positif. Progresif. Inovatif, menjadi platform menetapkan hala tuju serta pendekatan baharu Agenda Pemerkasaan Bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif selari dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Kongres bermula hari ini hingga 2 Mac di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, PICC melibatkan pembentangan hasil dapatan daripada Sesi Libat Urus (SLU) meliputi 10 kumpulan.

Kumpulan ini meliputi Reformasi Pendidikan dan Modal Insan; Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Pilihan Kerjaya Utama, Pengukuhan Industri Halal, Pembangunan Desa dan Pemerksaan Masyarakat Orang Asli; Penciptaan Kekayaan dan Penguasaan Korporat; Daya Saing Perusahaan Bumiputera; Penguasaan Teknologi Baharu; Felda dan Tanah Wilayah; Sosioekonomi Bumiputera Sabah serta Sosioekonomi Bumiputera Sarawak

Sepuluh kumpulan ini dipengerusikan tokoh dalam bidang ekonomi, industri, pendidikan dan lain-lain bagi mendapatkan maklum balas terutamanya dari akar umbi menerusi pendekatan *bottom up*.

SLU bagi KEB 2024 bertujuan mengenal pasti isu dan cabaran serta menganalisa keberkesanan dasar, strategi, inisiatif dan sasaran sedia ada;

Selain menyelaraskan dan menilai cadangan penambahbaikan serta menyedia input bagi hala tuju baharu agenda Bumiputera.

Kongres Ekonomi Bumiputera edisi 2024 bakal menyaksikan suntikan semangat dan wajah baharu dengan perencanaan yang lebih strategik dan berkesan selari dengan tekad Kerajaan MADANI untuk memajukan ekonomi Bumiputera secara mampan berasaskan kesejahteraan terangkum dengan penglibatan kaum Bukan Bumiputera.

Penganjuran KEB 2024 turut membuka peluang kepada pelbagai pemegang taruh untuk memberi sumbangan dalam membantu Kerajaan merangka hala tuju dan pendekatan baharu agenda pemerksaan Bumiputera.

Kerangka baharu hala tuju agenda pemerksaan Bumiputera yang dibangunkan hasil resolusi KEB 2024 mengambil kira keperluan pembangunan Bumiputera yang bercirikan futuristik, dinamik dan pada masa yang sama dapat menangani isu dan cabaran semasa.

Selain mengambil pendekatan terangkum yang menghargai kerencaman idea berasaskan sepuluh kumpulan SLU terbabit.

Kongres tiga hari ini menyasarkan lebih daripada 3,000 peserta termasuk wakil dari Dewan Perniagaan Melayu, Kadazan, Dusun, Iban dan Dayak serta wakil masyarakat Orang Asli.

KEB 2024 yang dianjurkan bersama Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut mengadakan Pertandingan Esei dan Pertandingan Pandangan Terbaik menerusi microsite KEB2024 (<https://keb.ekonomi.gov.my>) atau secara pos sehingga 31 Mac 2024.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Sekretariat Media KEB 2024

29 Februari 2024